
Title	Institut perkembangan kurikulum: Buku-buku teks dan peralatan mengajar dalam bahasa Melayu dalam dekad 80-an
Author(s)	Abbas Mohd Shariff
Source	<i>Sekata</i> , 8(2), 15-22
Published by	The Malay Language Council

Copyright © 1990 The Malay Language Council

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.

The Singapore Copyright Act applies to the use of this document.

This document first appeared in: Abbas Mohd Shariff. (1990). Institut perkembangan kurikulum: Buku-buku teks dan peralatan mengajar dalam bahasa Melayu dalam dekad 80-an. *Sekata*, 8(2), 15-22.

This document was archived with permission from the copyright owner.

INSTITUT PERKEMBANGAN KURIKULUM: BUKU-BUKU TEKS DAN PERALATAN MENGAJAR DALAM BAHASA MELAYU DALAM DEKAD 80-AN

Oleh: Abbas Bin Mohd Shariff


Singapura sedang melalui proses perubahan yang sungguh pesat dari segi pertumbuhan ekonomi dan sosial dan usaha-usaha sedang giat dijalankan untuk memenuhi tuntutan sains dan teknologi. Dalam bidang pendidikan usaha-usaha memperkemas kurikulum sekolah serta menyediakan prasarana yang sesuai untuk memenuhi kehendak negara dipergiat dari semasa ke semasa. Dengan demikian Kementerian Pelajaran telah membentuk suatu institusi khusus yang dinamakan Institut Perkembangan Kurikulum dengan matlamat dan tujuan berikut:

- Menyediakan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran untuk membantu kurikulum di sekolah.
- Mengenalkan kaedah-kaedah tertentu kepada guru-guru agar mereka tahu menggunakan bahan-bahan yang disediakan.
- Menyebarkan penerangan mengenai inovasi dan amalan kurikulum.
- Menyediakan perkhidmatan perpustakaan sumber untuk sekolah-sekolah.

Di bawah ini diperturunkan rajah struktur Institut Perkembangan Kurikulum Singapura yang menunjukkan dua bahagian terbesar Institut, iaitu:


Jabatan-jabatan:

1. Kumpulan-kumpulan Projek
2. Jabatan Teknologi Pendidikan



JABATAN-JABATAN: KUMPULAN-KUMPULAN PROJEK


Dalam bahagian kumpulan-kumpulan projek ada berbagai jabatan yang mendukung kumpulan-kumpulan projek itu. Kedudukan jabatan-jabatan serta kumpulan-kumpulan projek itu adalah seperti berikut:



JABATAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN

Jabatan Teknologi Pendidikan membantu semua kumpulan projek dalam urusan teknikalnya seperti menghasilkan transparensi induk, slaid, carta, gambarajah, lukisan-lukisan grafik serta membantu menyediakan rancangan-rancangan televisyen pendidikan.

Berikut digambarkan kedudukan bahagian-bahagiannya:



JABATAN BAHASA-BAHASA ASIA DAN PENGETAHUAN AGAMA

Seperti mana yang dinyatakan di atas, jabatan ini menyediakan beberapa projek bahasa Asia antaranya termasuk Bahasa Melayu peringkat Rendah, Bahasa Melayu peringkat Menengah dan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ketiga.

Kumpulan Projek Agama Islam yang menghasilkan buku-buku agama Islam dalam bahasa Melayu juga dimasukkan dalam Jabatan ini.

Kumpulan Projek Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ketiga dan Kumpulan Projek Agama Islam telah menamatkan tugas-tugas yang diaturkan setelah menghasilkan bahan-bahan cetak serta yang bukan cetak (audio visual dan rancangan televisyen) pada tahun 1989. Manakala Kumpulan Projek Bahasa Melayu peringkat Rendah dan Menengah (MAPS dan MASS) memasuki fasa kedua pada tahun 1990 dengan mengkaji dan menilai buku-buku yang sudah dihasilkan untuk menerbitkan bahan-bahan yang baru berdasarkan sukatan pelajaran yang diperbaharui.

KUMPULAN PROJEK BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH (PRIMARY MALAY PROJEK TEAM - MAPS)

Kumpulan Projek Bahasa Melayu peringkat Sekolah Rendah ditubuhkan pada tahun 1982 untuk memenuhi keperluan Sistem Pendidikan baru yang diperkenalkan pada tahun 1981. Tujuannya seperti berikut:

- Menghasilkan bahan-bahan pengajaran untuk memenuhi kehendak Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.
- Memperkembangkan strategi pengajaran yang baru agar memudahkan murid-murid mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dengan lebih berkesan dan memastikan agar mereka memperolehi kemahiran yang tertentu.
- Menyediakan pelbagai kegiatan dan situasi agar menarik minat serta merangsang murid-murid bertutur, membaca dan menulis bahasa Melayu serta dapat menghayatinya.

Perlu dinyatakan di sini bahawa tekanan diberikan pada kemahiran berbahasa yang berpusat pada kemahiran mengenai bertutur, membaca dan menulis.

Kini Kumpulan Projek ini telah menghasilkan:

- Buku-buku teks **Sari Bahasa** bagi murid-murid P1 - P3, P4 - P6 (aliran biasa) dan P4E - P8E (aliran lanjutan).
- Buku latihan Kerja **Sari Bahasa** bagi murid-murid P1 - P3, P4N - P6N (aliran biasa) dan P4E - P8E (aliran lanjutan).
- Buku Panduan guru untuk semua peringkat.

Untuk mengukuhkan pelajaran bahasa Melayu sebagai kesinambungan daripada bahan yang terdapat di buku teks, alat-alat audio visual disediakan seperti berikut:

- kaset-kaset Audio
- slaid
- transparensi-transparensi induk OHP
- carta bergambar

Pakej (package) bahan-bahan pengajaran/pembelajaran dilengkapi dengan beberapa rancangan televisyen yang dipancarkan melalui Televisyen Pendidikan.

KUMPULAN PROJEK BAHASA MELAYU SEKOLAH MENENGAH (SECONDARY MALAY PROJECT - MASS)

Kumpulan Projek Bahasa Melayu peringkat Sekolah Menengah yang telah ditubuhkan pada 10 Jun 1983 mempunyai tujuan yang hampir sama dengan Kumpulan Projek Bahasa Melayu peringkat Sekolah Rendah.

Projek ini menghasilkan siri buku-buku yang dinamakan "Intisari Bahasa" yang disusun menurut Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa Kedua yang telah disiapkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Singapura. Kaedah penyusunannya bukan sahaja menurut teknik induktif malah di sana sini diselang-selikan juga dengan kaedah deduktif yang menjadikan teknik persembahannya lebih menarik lagi. Dalam setiap pelajaran tatabahasa dalam buku-buku tersebut disediakan tajuk-tajuk untuk pelajaran lisan agar murid-murid dapat dirangsangkan untuk

bertutur dengan baik bagi memenuhi objektif pengajaran bahasa Melayu agar mereka dapat berkomunikasi dengan baik melalui lisan dan tulisan dalam kehidupan seharian mereka.

Berikut ialah buku-buku bahasa Melayu yang dihasilkan oleh Projek tersebut:

- Buku-buku teks **Intisari** bagi penuntut-penuntut Menengah 1, 2, 3, 4 dan Menengah 5 (Aliran Biasa)
- Buku-buku Latihan Kerja **Intisari** bagi penuntut Menengah 1, 2, 3, 4, dan 5 Menengah 5 (Aliran Biasa)
- Buku Panduan Guru (Menengah 1, 2, 3, 4 dan 5)

Kandungan buku-buku tersebut diolah dengan teliti dengan menerapkan nilai-nilai budaya Melayu agar identiti bangsa dapat dikekalkan. Selain daripada mengenalkan sajak-sajak yang dianggap bernilai, disorotkan juga riwayat tokoh-tokoh sastera yang menghasilkannya, seperti Masuri S N, Harun Aminurrashid, Mahmud Ahmad, Muhammad Ariff Ahmad; esei-esei pengetahuan mengenai pencemaran alam, peranan komputer, kegunaan sains, peranan bangsa-bangsa bersatu serta esei-esei lain serupa itu disertakan juga. Tokoh-tokoh sejarah dan agama seperti Sir Stamford Raffles, Tun Perak, Joze Rizal, Nabi Muhammad, Confucius, Gautama Buddha juga dimuatkan. Tidak ketinggalan juga disertakan beberapa esei yang menyemaikan bibit-bibit kebudayaan seperti permainan sepaktakraw, bersilat, adat resam orang Melayu dan lain-lain esei seperti itu. Tegasnya kesemua esei yang dimuatkan dalam Intisari bahasa jelas menunjukkan kekuatan dan kemampuan bahasa Melayu dalam membicarakan berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan.

Bagi melengkapkan pakej bahasa Melayu ini, disediakan juga alat-alat peragaan seperti transparensi induk OHP dan pita kaset audio. Beberapa rancangan televisyen pendidikan yang bertajuk **Mutiara Budaya** disediakan untuk membantu beberapa pelajaran yang terdapat dalam buku teks. Kesemua input dalam pakej bahasa Melayu ini bukan sahaja membantu guru-guru dalam menyampaikan pengajarannya dengan lebih berkesan malah membantu memudahkan para pelajar mempelajarinya.

KUMPULAN PROJEK BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KETIGA (MALAY AS A THIRD LANGUAGE)

Pada tahun 1984 setelah Kementerian Pelajaran membuat ketetapan mengenalkan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua tambahan, kepada sepuluh peratus penuntut bijak bukan Melayu dan membentuk sebuah jawatankuasa bagi menyediakan bahan-bahan pengajaran mata pelajaran tersebut. Kemudian jawatankuasa ini dibubarkan dan dibentuk Kumpulan Projek Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ketiga pada 14 Januari 1985 di bawah jabatan pengajian bahasa-bahasa Asia dan pengetahuan Agama. Institut Perkembangan Kurikulum Singapura.

Kumpulan projek ini telah menjalankan berbagai kegiatan dan menghasilkan buku-buku teks dan alat-alat audio-visual untuk kegunaan murid-murid dan guru-guru. Berikut adalah bahan-bahan yang dihasilkan:

- Buku-buku teks **Sari Mestika Bahasa** untuk penuntut-penuntut Menengah 1, 2 dan 3.
- Buku-buku latihan Kerja **Sari Mestika Bahasa** untuk Menengah 1, 2 dan 3.
- Alat-alat audio-visual:
 - Transparensi-transparensi
 - Kaset-kaset audio
 - Carta-carta yang berkenaan

Setelah mempelajari bahasa Melayu selama tiga tahun, murid-murid yang terpilih ini yang dianggap sebagai murid-murid bijak sudah berkeupayaan sama dengan murid-murid lain yang telah mempelajari bahasa Melayu selama 9 tahun (6 tahun di sekolah rendah dan 3 tahun di sekolah menengah).

Perbandingan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua dengan program Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ketiga dapat diturunkan di bawah ini:

SUKATAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KETIGA		SUKATAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEDUA	
MENENGAH 1	Penggal 1		Darjah 1
	Penggal 2		Darjah 2
	Penggal 3		Darjah 3
	Penggal 4		Darjah 4
MENENGAH 2	Penggal 1		Darjah 5
	Penggal 2		Darjah 6
	Penggal 3		Menengah 1
	Penggal 4		Menengah 2
MENENGAH 3	Penggal 1		Menengah 3
	Penggal 2		Menengah 4
	Penggal 3		
	Penggal 4		
MENENGAH 4	Penggal 1		
	Penggal 2		
	Penggal 3		
	Penggal 4		

Perbandingan: Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua dan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ketiga.